






**1.0**

# **PENDAHULUAN**





# 1.1 PENGENALAN

Laporan ini merupakan penerbitan berkenaan statistik dan perubahan guna tanah bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Selaras dengan perenggan 2B(1)(b), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] yang memperuntukkan fungsi Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa untuk menyiarkan laporan atau perangkaan yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa.

Penyediaan laporan ini berasaskan kepada Sistem Maklumat Guna Tanah Perancangan Bersepadu (I-Plan) yang telah dibangunkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) sejak tahun 2016. Sistem I-Plan memaparkan maklumat guna tanah semasa, guna tanah zon perancangan dan guna tanah komited yang dikemas kini setiap enam (6) bulan dengan kerjasama PLANMalaysia Ibu Pejabat, PLANMalaysia Negeri dan 103 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Bagi tujuan penyeragaman dan pelaporan maklumat guna tanah ini, keluasan Semenanjung Malaysia dan Negeri diselaraskan mengikut sempadan garis pantai yang diguna pakai oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) pada tahun 2021.


**Memaparkan  
keluasan guna tanah  
Semenanjung Malaysia,  
Negeri dan Wilayah  
Persekutuan**


# 1.2 KLASIFIKASI GUNA TANAH


Penetapan empat (4) jenis guna tanah utama adalah berdasarkan Rancangan Fizikal Negara dan diselaraskan dengan 12 jenis guna tanah mengikut Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0. seperti di Rajah 1.1.





Rajah 1.1: 12 Jenis Guna Tanah Mengikut Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Rancangan Pemajuan Versi 2.0.


 **PERUMAHAN**  
Kumpulan rumah atau rumah-rumah tempat tinggal


 **KOMERSIAL**  
Berkaitan dengan atau bersifat perdagangan, yang mempunyai kepentingan dan tujuan ekonomi.


 **INDUSTRI**  
Perusahaan (biasanya secara besar-besaran) untuk membuat, menghasilkan dan mengeluarkan produk.


 **INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT**  
Aktiviti termasuk institusi kerajaan dan kemudahan masyarakat yang disediakan oleh pihak berkuasa atau kerajaan untuk keperluan orang ramai.


 **INFRASTRUKTUR DAN UTILITI**  
Keseluruhan kemudahan asas yang perlu bagi pembangunan dan pemajuan


 **PENGANGKUTAN**  
Infrastruktur berkenaan pembawaan (barang-barang dan lain-lain) dari satu tempat ke tempat yang lain


 **TANAH LAPANG DAN REKREASI**  
Kawasan lapang serta zon penampungan dan kemudahan rekreasi yang disediakan oleh pihak berkuasa atau kerajaan

 **TANAH KOSONG**  
Tanah milik / tanah kerajaan yang masih belum dibangunkan atau lot yang telah dibangunkan tetapi terbengkalai, lot untuk pembangunan masa hadapan sama ada dalam keadaan asal atau telah dijalankan kerja tanah.

 **HUTAN**  
Tanah yang meliputi kawasan melebihi 0.5 hektar dengan mempunyai pokok-pokok berketinggian melebihi 5 meter dan litupan kanopi/silara melebihi 10%, atau pokok-pokok yang mampu mencapai had-had di atas secara 'in-situ'.

 **PERTANIAN**  
Termasuklah hortikultur, perladangan, penanaman tanaman, pokok buah-buahan, sayur-sayuran, atau pokok, penanaman tumbuh-tumbuhan untuk digunakan sebagai makanan binatang, perladangan tenusu, pembiakan dan pemeliharaan ternakan, ikan, atau lebah, dan menggunakan tanah bagi maksud tambahan pada mana-mana kegiatan itu atau pada mana-mana kegiatan pertanian yang lain; tetapi tidak termasuk menggunakan tanah sebagai sebuah taman untuk digunakan bersama dengan suatu bangunan yang bercantum pada tanah itu; dan "pertanian" hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

 **BADAN AIR**  
Kawasan di mana air menutup permukaan bumi secara semulajadi atau buatan manusia.

 **PANTAI**  
Tebing atau tepi laut (tasik dan sebagainya) yang diliputi pasir (batu-batu kecil atau besar).